

23/10/1999

Majlis guru besar serah surat ikrar

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Jumaat - Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) yang mengadakan persidangan perwakilan tahunan kebangsaan ke-17 di sini, hari ini berikrar memberi sokongan kepada kerajaan dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ikrar itu dibacakan oleh Yang Dipertuanya, Muhammad Mustapha sebelum Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan persidangan perwakilan itu.

Muhammad kemudian menyerahkan kertas ikrar itu kepada Najib untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

Antara lain, GMGBM berikrar berdiri teguh menyokong kepemimpinan Perdana Menteri dalam usaha memulihkan ekonomi dan menstabilkan politik negara.

Ia juga akan memastikan guru dan kakitangan sekolah masing-masing memberi khidmat dan bakti mereka selaras hasrat pimpinan negara.

Mengulas sokongan GMGBM itu, Najib berterima kasih kepada GMGBM kerana menyokong kerajaan pimpinan Dr Mahathir.

"InsyaAllah saya akan menyerahkan kertas ikrar itu kepada Perdana Menteri," katanya pada sidang media selepas merasmikan persidangan perwakilan itu.

Beliau juga mengumumkan GMGBM bercadang menganjurkan perhimpunan besar-besaran membabitkan kira-kira 5,000 guru besar dari seluruh negara untuk menunjukkan sokongan mereka kepada kepimpinan negara. Tarikh dan tempat perhimpunan itu akan ditentukan nanti.

Mengenai gesaan Dr Mahathir terhadap guru yang menyokong pembangkang supaya menghentikan tindakan mereka menfitnah kerajaan, Najib yang juga Naib Presiden Umno, berkata ia memang wajar kerana guru tidak boleh menyalahgunakan kedudukan mereka.

"Tugas sebagai guru adalah satu amanah bangsa. Oleh itu, mereka tidak sepatutnya membawa unsur politik dalam kelas, termasuk meracuni pemikiran murid supaya membenci kerajaan.

"Ini perlu dihentikan segera kerana boleh merosakkan pemikiran murid," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, kementerian boleh mengambil beberapa tindakan tatatertib terhadap guru yang berbuat demikian.

"Sukar untuk memecat seseorang guru kerana memerlukan bukti dan ini ditentukan Lembaga Tatatertib. Tindakan lain yang boleh diambil ialah menukar guru yang bermasalah atau membawa masalah," katanya.

Sambil menganggap masalah guru seumpama itu tidak di tahap yang serius, Najib berkata, GMGBM memberi jaminan sebahagian besar guru di negara ini menyokong kerajaan.

Najib turut mengulas mengenai penolakan Majlis Pelajar Malaysia (MPM) berhubung penubuhan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang dicadangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, majlis perundingan itu adalah satu forum bagi pelajar bertukar pendapat mengenai beberapa isu.

"Bagaimanapun, nampaknya ada kumpulan seolah-olah berkehendakkan satu jaminan kerajaan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej serta Akta Keselamatan Dalam Negeri," katanya.

(END)